

# Yayasan Sabah meterai MoU dengan SFD dan UMS

**UB 24.01.2024 P.01**

Oleh Kennedy Corlleus

## KOTA KINABALU:

Kumpulan Yayasan Sabah memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini semalam.

Pemeteraian Projek Bioprospek Penyelidikan dan Pembangunan Kulat Liar, Halia Liar dan Tumbuh-tumbuhan Ubatan dan Aromatik (TUB) adalah sebagai usaha membangunkan kelestarian serta melindungi kekayaan sumber biologi negeri Sabah.

Di majlis MoU itu, Kumpulan Yayasan Sabah diwakili Pengarhnya, Datuk Seri Gulamhaidar Khan Bahadar, manakala SFD diwakili Ketua Konservator Hutan, Datuk Frederick Kugan dan UMS diwakili Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Kasim Mohd Mansur.

Majlis menandatangani memorandum perjanjian disaksikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Arifin Arif.

Mengenai Projek TUB, Arifin berkata ia merupakan inisiatif penyelidikan yang bertujuan mengidentifikasi spesies kulat liar dan halia liar, khususnya Tuhan yang berpotensi dikomersialkan pada masa hadapan sebagai langkah proaktif dalam mengatasi ancaman

terhadap sekuriti makanan secara global.

Projek berkenaan telah dijalankan di Kawasan Konservasi Lembah Danum Lembangan Maliau, Kanyon Imbak dan kawasan pemuliharaan seperti Projek Rehabilitasi Hutan Hujan Innoprise-FACE Foundation (INFAPRO) dan Projek Rehabilitasi Hutan Tropika Innoprise-IKEA (INIKEA) di bawah seliaan Kumpulan Yayasan Sabah.

“Seperti termeterai dalam memorandum perjanjian yang ditandatangani, Projek TUB telah berjaya mendapat peruntukan sebanyak RM5 juta untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2021 hingga 2025 di bawah sumber dana Persekutuan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

“Projek TUB juga bertujuan untuk melahirkan siswazah PhD dan MSc dalam bidang berkaitan dan untuk membangunkan jaringan kolaboratif antara akademia dan agensi kerajaan dalam industri penyelidikan. Selain itu, projek ini telah melahirkan prototaip produk dan bio-kimia yang berbentuk novel serta mengintegrasikan pengetahuan teknologi melalui demonstrasi, penerbitan dan bengkel kepada komuniti dan usahawan setempat,” katanya.

Mengulas lanjut, Arifin turut memuji inisiatif diambil Kementerian

Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan Perhutanan Sabah kerana terus komited menyokong dan menyalurkan dana dalam memelihara dan memulihara sumber alam semula jadi serta usaha-usaha Kumpulan Yayasan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah dalam menjayakan projek itu.

“Saya yakin projek TUB ini akan mendorong dalam kemajuan bidang penyelidikan dan pembangunan serta inovasi yang diterajui, termasuklah di sektor hiliran bagi pengeluaran produk komersial yang akan menawarkan peluang ekonomi serta memastikan pengurusan sumber asli di Sabah secara mampan,” katanya.

Pada majlis itu juga, Arifin turut melancarkan dua buku bertajuk ‘Kehidupan dan Adat Suku Murut Tangala’ Kampung Inarad, Tongod’ dan ‘Kepercayaan, Ritual dan Adat Suku Tombonuo, Lingkabau, Sugut’ yang diterbitkan oleh Kumpulan Yayasan Sabah.

Acara disusuli dengan seminar berkaitan projek TUB dan dapatkan hasil kajian yang terkini yang disertai oleh peserta daripada pelbagai jabatan, agensi, organisasi dan institusi dengan sasaran untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan melindungi khazanah hutan Sabah.